

**INFAQ PRACTICES AS A CATALYST FOR NURTURING ECONOMIC
DEVELOPMENT AND HUMAN CAPITAL**

**AMALAN INFAQ SEBAGAI PEMANGKIN PEMBANGUNAN EKONOMI DAN MODAL
INSAN**

Hanifah Musa Fathullah Haruniⁱ, Zulaipa Ruzulaniⁱⁱ, Khairul Faezi Saidⁱⁱⁱ, Mohamad Shukran Abdul Razak^{iv} & Mohammad Mahyuddin Khalid^v

- ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. hanifah0704@uitm.edu.my
ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. zulaipa3198@uitm.edu.my
ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. kfaezi211@uitm.edu.my
^{iv} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. mshukran055@uitm.edu.my
^v Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. emkay@uitm.edu.my

Abstract	<p><i>Infaq is a mechanism that has been applied since the time of the Prophet PBUH until today. The role and contribution of infaq had succeeded in ensuring Islamic teachings when some of the companion Sahabah volunteered to compete infaq energy and property to protect the development of da'wah for the benefit of the ummah. The continuation of the infaq culture and Islamic philanthropy continuously grew and developed, especially during the Ottoman period when an estimated 30,000 infaq-based institutions were developed to aid the national budget. Generally, the concept of infaq is not limited to certain treasures. It should be expanded and cultured because if the implementation is systematic, it will develop human capital and help the government eradicate poverty. Hence, this writing aims to explore the efficacy of infaq practices and the potential of infaq as a mechanism to promote economic and human development. This study is a contextual study through reading materials and current surveys. This study believes that establishing infaq practices might serve as a benchmark for boosting economic growth and human capital.</i></p> <p><i>Keywords: Infaq, Mechanism, Contribution, Human, Capital.</i></p>
Abstrak	<p><i>Infaq merupakan satu mekanisme yang telah diaplikasi sejak pada zaman baginda Rasulullah SAW. Peranan dan sumbangan infaq jelas telah berjaya menyemarak syiar Islam pada ketika itu apabila beberapa sahabat secara sukarela berlumba-lumba menginfaq tenaga dan harta bagi melestari pembangunan dakwah demi manfaat kepada ummah. Penerusan budaya infaq dan sedekah ini juga dapat dilihat terus membangun khususnya pada zaman kerajaan Uthmaniyyah apabila dianggarkan 30,000 institusi berasaskan infaq telah dibangunkan sebagai satu mekanisme tambahan dalam membantu belanjawan negara. Secara umumnya, konsep infaq tidak terbatas, terhadap harta tertentu. Ia sewajarnya diperluas dan dibudayakan kerana jika perlaksanaannya berbentuk sistematik, ia pasti mampu membangunkan modal insan serta dapat membantu kerajaan dalam membasmi kemiskinan. Justeru</i></p>

	<p><i>objektif penulisan ini ialah melihat keberkesanan amalan infaq , serta potensi infaq sebagai mekanisme merangsang pembangunan ekonomi dan insan. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kontekstual melalui bahan bacaan serta tinjauan semasa. Kajian ini percaya bahawa membudaya amalan infaq mampu menjadi penanda aras dalam merangsang pembangunan ekonomi dan modal insan.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Infaq, Mekanisme, Sumbangan, Insan, Modal.</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Islam meletakkan prinsip asas utama dalam membantu seluruh umat manusia melalui pensyariatannya amalan infaq wajib dan sunnah seperti zakat, sedekah dan wakaf bagi membantu seluruh masyarakat. Ia merupakan satu mekanisme perkongsian yang mampu memberi manfaat besar kepada pemberi dan penerima. Matlamat utama infaq ini ialah mencari keredhaan Allah SWT dengan menanam perasaan membersihkan harta serta berkongsi sebahagian harta dengan tujuan membantu insan-insan di sekeliling. Ini jelas dinyatakan melalui firman Allah SWT:

﴿لِّلْفُقَرَاءِ الَّذِينَ أُحْصِرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَطِيعُونَ ضَرْبًا فِي الْأَرْضِ يَحْسَبُهُمُ الْجَاهِلُ أَعْيَاءَ مِنَ التَّعَفُّفِ

تَعْرِفُهُمْ بِسِيمَاهُمْ لَا يَسْأَلُونَ النَّاسَ إِحْقَاقًا وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ﴾

Maksudnya: (Pemberian sedekah itu) ialah bagi orang-orang fakir miskin yang telah menentukan dirinya (dengan menjalankan khidmat atau berjuang) pada jalan Allah (membela Islam), yang tidak berupaya mengembara di muka bumi (untuk berniaga dan sebagainya); mereka itu disangka: Orang kaya oleh orang yang tidak mengetahui halnya, kerana mereka menahan diri daripada meminta-minta. Engkau kenal mereka dengan (melihat) sifat-sifat dan keadaan masing-masing, mereka tidak meminta kepada orang ramai dengan mendesak-desak dan (ketahuilah), apa jua yang kamu belanjakan dari harta yang halal maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya (al-Quran. Al-Baqarah: 273).

Justeru, ayat ini jelas memberi galakan khususnya kepada yang berkemampuan untuk saling berganding bahu dan tenaga menggalas tanggungjawab dalam membantu golongan yang tidak berkemampuan bersesuaian dengan perintah Islam. Walaubagaimanapun, bersesuaian dengan dakwah Islam, pengurusan hasil infaq yang sistematik mampu memperkasa kehidupan masyarakat ke arah pembangunan ekonomi dan membentuk sahsiah yang baik secara holistik.

METODE KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu ia melibatkan penerokaan melalui bahan bacaan serta temubual. Penulis membahagikan sumber rujukan kepada dua bentuk iaitu sumber primer yang diperolehi daripada hasil bahan bacaan daripada enjin carian *Google*, laman sesawang institusi zakat, keratan akhbar serta pangkalan data atas talian. Manakala, sumber sekunder bagi kajian ini pula diperolehi daripada hasil dokumentasi dan temu bual yang dijalankan dengan mengambil butik infaq wangi sebagai model kajian.

KAJIAN LITERATUR

Definisi Infaq

Secara umumnya, infaq adalah membelanjakan harta dengan niat kerana Allah SWT. Konsep infaq ini luas, ia termasuklah membelanjakan harta untuk diri, keluarga serta meliputi maksud memberi zakat, wakaf dan sedekah. Walaubagaimanapun, kajian ini lebih tertumpu kepada perbincangan infaq yang berbentuk umum iaitu mengeluarkan sebarang kemampuan samada berbentuk fizikal, produk atau tenaga dengan tujuan kepentingan Islam. Infaq juga mempunyai konsep yang berbeza daripada konsep zakat kerana ia bebas diberikan kepada sesiapa tanpa menghadkan kepada golongan asnaf tertentu serta

mempunyai kebebasan kadar pemberian. Pensiaryatan infaq dapat dilihat daripada firman Allah S.W.T:

﴿وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ﴾

Maksudnya: Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil) dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu kerana sesungguhnya Allah mengasihani orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya (al-Quran. Al-Baqarah:195).

Allah memberi peringatan kepada setiap manusia untuk membelanjakan harta kekayaan pada jalan Allah SWT. Melalui ayat ini juga, jelas memberi gambaran bahawa harta serta kekayaan boleh menjadikan manusia lalai dan alpa sehingga boleh membinasakan manusia. Dalam surah al-Qasas ayat 76, telah memperlihatkan contoh teladan melalui kisah Qarun yang tenggelam kerana bangga dan sombong dengan kekayaan yang dimilikinya. Ini jelas menunjukkan bahawa jika manusia tertumpu kepada mencintai harta semata-mata boleh menjadikan dirinya lalai dan alpa. Sabda Rasulullah SAW dalam hadith baginda:

{ إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ }

Maksudnya: "Apabila mati seorang manusia, terputuslah daripadanya amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang mendoakan baginya" (Hadis. Muslim. 1631; al-Nasa'iy, 3651; al-Tirmidhiyy, 1376 dan Abu Dawud, 2880).

Menurut Razali Othman (2015), terdapat tiga prinsip penting yang perlu ada dalam diri seseorang iaitu cara yang betul dalam memperoleh harta, membelanjakan harta serta kewajipan yang harus dilaksanakan oleh pemilik harta. Shuhairimi (2013) berpendapat bahawa dengan membudayakan amalan infaq ini, ia dapat melahirkan individu atau insan yang tidak bersifat mementingkan diri sendiri atau individualistik, peka terhadap keadaan sekeliling, mempunyai perasaan bertimbang rasa serta saling membantu antara satu sama lain. Amalan infaq ini juga boleh mendidik intelektual dan mengurus emosi manusia. Ia merupakan proses keupayaan menghargai dan memahami perasaan diri dan orang lain. Emosi yang cergas dan matang mampu mengelak seseorang daripada perasaan riak, tamak, dengki dan bongkak dan seterusnya menggerakkan pemikiran dan perasaan ke arah menyanggahi diri dan orang lain (Ab Aziz & Mutiara, 2017).

Konsep Infaq pada Zaman Awal Islam

Rasulullah SAW merupakan sebaik-baik ikutan. Ini jelas telah dinukilkan dalam sejarah bagaimana Rasulullah SAW sebagai *qudwah hasanah* menonjolkan sikap kepimpinan dengan mengeluarkan sebahagian harta demi membantu umat manusia. Rasulullah SAW telah menganjurkan dan menggalakkan umat manusia untuk berinfaq dan berwakaf. Model yang dilakukan baginda telah menarik minat sahabat sehingga mereka dikatakan berlumba-lumba mengeluarkan harta mereka di jalan Allah.

Dalam sebuah riwayat, telah menjelaskan bahawa Abdul Rahman bin Auf merupakan salah seorang sahabat baginda Rasulullah SAW yang kaya dan dermawan. Antara jasa beliau ialah telah menginfaq sebanyak 200 uqiyah emas dan telah mewakafkan harta untuk dimanfaatkan kepada masyarakat (Putri Apria, 2018). Selain itu, Zubair bin Awwam juga dikenali sebagai seorang yang berjaya dalam perniagaan. Sejarah menyaksikan bagaimana beliau telah menginfaq seluruh harta beliau di jalan Allah SWT. Kemurahan hati beliau telah diikuti oleh isteri beliau iaitu Asma'. Begitu juga halnya dengan sahabat baginda yang lain seperti Usman bin Affan dan Abu Bakar yang memiliki

perniagaan pakaian, Amru bin Ash yang memiliki perniagaan bahan-bahan membuat pakaian dan perniagaan haiwan dan Umar bin Khattab yang memiliki perniagaan jagung. Mereka juga merupakan antara sahabat yang sering menginfakkan harta kekayaan kepada Nabi untuk tujuan Islam (Suwandi, Muhammad Hakimi & Wan Nasyrudin, 2017).

Begitu juga halnya, amalan ini telah diteruskan pada zaman khalifah Islam yang lain. Zaman ini di anggap zaman kegemilangan budaya infaq dan wakaf. Ini jelas dapat dilihat melalui hasil infaq wakaf, ribuan madrasah, universiti, hospital dan perpustakaan telah dibina pada zaman Abbasiyyah (754-1258M), Ayyubiah (1171-1249M) dan Uthmaniyyah (1299-1924M) (Razali, 2015). Antara institusi pendidikan yang terbina hasil daripada infaq wakaf ialah, Universiti al-Qurawiyyindi Fez dan Universiti al-Azhar di Mesir yang beroperasi sehingga ke hari ini. Institusi ini telah berjaya melahirkan ramai alim ulama terkemuka pada zaman tersebut sehinggalah kini.

Menurut Razali (2015), pembinaan hospital al-Mansuri yang dibina oleh Sultan al-Mansur al-Qalawun pada tahun 1284 merupakan salah satu hasil infaq wakaf. Hospital ini dikatakan menerima 8000 pesakit sehari dan menyediakan perkhidmatan yang hebat sehingga abad ke-20. Pengurusan dan penyelenggaraan hospital ini, sebahagian besar dibiayai oleh Sultan al-Mansur serta di bantu oleh pembesar-pembesar lain serta masyarakat umum.

Keperluan Membudaya Amalan Infaq Di Malaysia

Melalui tinjauan ke atas 500 ketua isi rumah yang dikeluarkan oleh Dana Keselamatan Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) mendapati 63% daripada ketua isi rumah mengalami masalah dalam pengurusan perbelanjaan harian seperti membeli barangan dapur serta menyelesaikan pembayaran bil. Keadaan ini semakin terkesan apabila wabak pandemik Covid-19 melanda seluruh dunia, khususnya di Malaysia apabila kadar pengangguran meningkat daripada 7% kepada 14%.

Golongan B40 dianggap golongan yang terjejas teruk berikutan ramai diantara mereka telah diberhentikan kerja khususnya sekitar bulan Mac sehingga Disember 2020 apabila pihak majikan tidak mampu untuk membayar gaji semasa situasi pandemik Covid-19 kian meruncing. Keadaan ini telah mengakibatkan ramai daripada golongan ini berhadapan kesukaran sehingga menjejaskan kesihatan fizikal dan emosi (FMT, 2021).

Meninjau laporan yang dipetik dalam Sinar Harian (2019) menyatakan bahawa, masalah kewangan boleh menjadi punca utama kepada perceraian. Umumnya masalah kewangan boleh memberi implikasi besar kepada keluarga sehingga membawa kepada isu perceraian, penderaan, kesihatan mental serta kemiskinan melarat seperti fenomena gelandangan. Fuad (2019) berpendapat bahawa dari sudut psikologi, antara keperluan asas manusia ialah tempat tinggal, makanan serta pakaian. Keperluan ini disebut sebagai keperluan fisiologi iaitu keperluan yang paling utama dan menjadi asas terpenting. Jika keperluan ini tidak dapat dipenuhi, maka ia akan memberi implikasi yang tidak sihat dalam kehidupan.

Malaysia telah meletakkan Had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang digunakan sejak tahun 2005 dengan kadar RM980 kepada RM2,208. Perubahan ini telah mencatat pertambahan jumlah kategori kelompok miskin bagi isi rumah iaitu 16,650 kepada 405,441 (Sinar Online, 2020). Memetik pandangan pakar ekonomi Dr Muhammed Abdul Khalid, satu kajian yang telah dilakukan oleh sebuah universiti tempatan terhadap golongan ibu tunggal dan golongan OKU mendapati bahawa ramai diantara mereka mempunyai baki simpanan bulanan di antara RM300 hingga RM70 (Sinar Harian, 2021).

Walaupun kerajaan telah menyediakan beberapa insentif bantuan, namun bantuan ini dianggap tidak mencukupi berikutan peningkatan kos sara hidup terutamanya di kawasan bandar. Dalam laporan pengurusan dan prospek ekonomi (2021), menyatakan bahawa, pemulihan ekonomi kesan daripada pandemik Covid-19 di anggap sesuatu yang sangat mencabar kerana ia telah merencatkan pertumbuhan ekonomi global yang tidak pernah dihadapi oleh dunia sehingga ia dianggap lebih mencabar berbanding *the great depression* yang berlaku pada tahun 1930-an.

Keunikan amalan infaq merupakan antara satu mekanisme terbaik yang diajar oleh Islam. Ia merupakan satu pendidikan asas yang diajar kepada manusia untuk berkongsi harta dalam kalangan masyarakat. Sejarah telah membuktikan bahawa, budaya infaq berupaya memenuhi keperluan sosioekonomi masyarakat. Contohnya pada tahun 808M, Khalifah Harun Al-Rasyid telah membina terusan air bawah tanah merentasi padang pasir daripada Kota Baghdad ke Makkah dengan menggunakan sumber infaq wakaf serta infaq daripada baginda sendiri (Razali, 2015).

Kemudahan yang disediakan dianggap sebagai satu inovasi dalam perkembangan teknologi serta memberi manfaat besar kepada Jemaah haji zaman tersebut. Menurut Razali (2015), jika seseorang itu mudah mendapat akses kepada kemudahan seperti pendidikan dan kesihatan, ia secara tidak langsung memberi peluang kepada seseorang itu untuk meningkatkan taraf kehidupan.

Di Malaysia, amalan berinfaq secara umum boleh dianggap sesuatu yang tidak sukar dilaksanakan dan seolah-olah menjadi satu "trend positif" memandangkan majoriti masyarakat Malaysia dianggap penyayang dan dermawan. Terdapat banyak badan bukan kerajaan secara sukarela menggembelng tenaga dan usaha membuat program dan berkempen bagi mendapatkan dana berbentuk duit dan barangan demi membantu masyarakat yang terkesan dengan masalah kewangan. Prof Mohammad Shatar iaitu seorang pakar sosial berpendapat bahawa, kombinasi nilai agama dan budaya timur yang menjadi teras dalam melahirkan masyarakat yang prihatin dan dermawan di Malaysia (Sinar Harian, 2020).

Walaubagaimanapun, asas utama dalam membudaya amalan infaq harus diutamakan iaitu menghasilkan manfaat dan meningkatkan nilai modal insan agar tidak melahirkan masyarakat yang material dan individualistik. Menurut Shuhairimi (2013), sebuah pembangunan yang ideal perlu berkesinambungan dengan realiti. Beliau memetik petikan ucapan rancangan Malaysia Kesembilan yang disampaikan oleh mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi:

"Rakyat adalah aset negara paling berharga. Pembangunan insan dan anjakan minda dan pemikiran warga merupakan salah satu cabaran terbesar. Sekiranya kita ingin melangkah ke era ekonomi berpaksikan pengetahuan, jika kita mahu menjadi negara maju dan kekal pada tahap tersebut, pembangunan modal insan harus diutamakan. Dalam konteks dunia global, pembangunan insan yang bermutu tinggi adalah satu keperluan" .

Menurut beliau, walaupun ungkapan ini seolah-olah mudah namun perlaksanaannya adalah kompleks. Ia memerlukan kerjasama semua pihak bagi menterjemahkan rancangan tersebut kepada sebuah realiti. Dr Yusuf al-Qardawi (2007) menyatakan bahawa, kesempurnaan kekuatan berfikir adalah bergantung kepada mengagungkan perintah Allah, manakala kesempurnaan kekuatan beramal adalah bergantung kepada kasih sayang kepada makhluk Allah SWT.

Peranan Badan Bukan Kerajaan dan Individu dalam Memupuk Amalan Berinfaq di Malaysia

Kisah infaq waqaf yang dilakukan oleh sahabat baginda Rasulullah SAW, pemimpin-pemimpin Islam serta masyarakat kegemilangan Tamadun Islam sewajarnya dicontohi. Kesungguhan mereka dalam mengimarahkan infaq berjaya mengembangkan ilmu pengetahuan serta membentuk organisasi sosial yang menyelia kepentingan seluruh masyarakat. Oleh demikian, budaya infaq ini juga sangat sesuai diinovasikan iaitu memberi galakan kepada masyarakat untuk berinfaq mengikut kesesuaian dan kemampuan mereka iaitu termasuklah tenaga, ilmu pengajaran dan pembelajaran, kewangan ataupun barangan.

Terdapat pelbagai kaedah dan saluran infaq, antaranya melalui perantara badan bukan kerajaan atau *Non-Governmental Organization* (NGO) serta entiti berkumpulan bukan NGO. Entiti ini dianggotai oleh sukarelawan yang berusaha keras untuk menjadi penggerak membantu kerajaan mengurangkan masalah kemiskinan. Menurut Mazlan &

Makmor (2017), istilah Badan Bukan Kerajaan atau NGO dikenali bermula tahun 1945 seiring penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta telah dinyatakan di dalam Piagam PBB Fasal 71. Wan Nor Zuriatina (2015) menyatakan bahawa, perkembangan NGO Malaysia mula dikenali dalam dan luar negara bermula tahun 1990an.

Walaupun negara Malaysia telah mencapai kemerdekaan namun, isu kemiskinan merupakan masalah global. Mengurangkan kadar kemiskinan dianggap sesuatu yang mencabar, apatah lagi dalam situasi hari ini yang jelas menampakkan kadar pembangunan ekonomi yang tidak stabil. Antara NGO yang terdapat di Malaysia antaranya Islamic Relief Malaysia (IRM), Hidayah Centre Foundation Hidayah (HC), Muslim Volunteer Malaysia, Islamic Aid Malaysia Allied Coordinating Council of Islamic NGOs (ACCIN), Persatuan Ulama Malaysia, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), sahabat infaq Malaysia serta lain-lain. Banyak aktiviti yang dijalankan oleh entiti-entiti ini yang diantaranya ialah projek infaq.

Sebagai contoh Yayasan Amal Malaysia telah melancarkan kempen infaq Ramadhan untuk menampung aktiviti kemanusiaan yang dijalankan oleh yayasan ini. Antara aktiviti yang disenaraikan termasuklah pembinaan pusat pendidikan pra-sekolah kekal dan sementara untuk generasi muda pedalaman supaya menjadi sifar buta huruf, menyediakan kelas bimbingan agama, menyediakan pek makanan bagi golongan tidak berkemampuan, membantu saudara baru serta bantuan lain.

Selain menerusi NGO, terdapat medium lain yang berperanan mengimarah budaya berinfaq. Contohnya, entiti bukan NGO yang biasanya dibangunkan oleh sekumpulan entiti atau kelompok dan tidak berdaftar. Melalui hasil temu bual bersama pengasas Butik Infaq wangi iaitu Puan Wan Nurhidayah, beliau menjelaskan idea membuka butik infaq tercetus apabila beliau telah menghadihkan beberapa barangan yang masih cantik dan boleh digunakan kepada beberapa warga miskin.

Melihat kegembiraan mereka, menjadi inspirasi kepada beliau untuk terus berinfaq dan akhirnya tercetus idea membuka Butik Infaq Wangi di Kampung Padang Midin, Kuala Terengganu. Butik ini telah menerima sumbangan masyarakat bukan sahaja setempat, malah luar daripada Terengganu. Berteras kepada kepercayaan, ramai dermawan telah memberi pelbagai sumbangan berbentuk wang, barangan dapur dan elektrik, pakaian serta beberapa individu yang menawarkan diri untuk berkhidmat sebagai sukarelawan bagi mengurus hasil sumbangan yang dihantar ke butik tersebut.

Perkara yang lebih menarik, apabila cawangan butik infaq ini telah dibuka di dua premis lain iaitu di Sungai Rengas, Kuala Terengganu hasil daripada wakaf penyumbang dan sebuah cawangan lagi di usahakan oleh kumpulan individu secara sukarela dengan menyewa premis di Puncak Alam Selangor.

Syarat kepada penyumbang dan penerima	Syarat kepada penerima bantuan
Penyumbang hendaklah mempunyai kepercayaan penuh kepada pengurusan butik infaq wangi kerana butik ini merupakan entiti tidak berdaftar (based on trust)	Penerima berdaftar sahaja dibenarkan berada di dalam premis. Penerima akan diberikan kad rekod pengambilan barangan infaq dan perlu dibawa setiap kali berkunjung ke premis tersebut. Ia bertujuan merekod bentuk barangan diambil serta memastikan penerima mengambil atas kadar keperluan. Jika kad tersebut hilang, penalti atau denda berbentuk bayaran sebanyak RM50 akan dikenakan kepada penerima.

Penyumbang hendaklah menyumbang barangan yang elok dan wangi sahaja	Barangan Kategori Khas seperti beras dibenarkan untuk diambil hanya sekali sahaja sebulan. Ini bertujuan agar penerima tidak mengambil kesempatan serta mengelakkan berlaku pembaziran
Sumbangan bukan berbentuk zakat kerana bimbang penerima bukan dalam golongan asnaf	Barangan Kategori Am seperti pakaian dan tudung, dibenarkan untuk diambil tanpa had.
Penyumbang faham tujuan pembinaan butik infaq wangi.	Barangan yang tidak diambil atau dipilih, hendaklah disusun semula di dalam rak yang disediakan.
	Penerima perlu memastikan butik yang ditinggalkan dalam keadaan yang kemas dan teratur.

Jadual 1: Syarat yang ditetapkan oleh Butik Infaq Wangi

Melalui hasil temu bual, beliau menjelaskan bahawa menjalankan butik infaq ini juga mempunyai cabaran dalam mendidik penyumbang dan penerima. Merujuk kepada jadual 1, pihak BIW menetapkan beberapa syarat kepada penyumbang dan penerima dengan tujuan membentuk sistem nilai seperti ikhlas, sabar dan disiplin.

DAPATAN DAN KESIMPULAN

Secara umumnya, amalan infaq ini merupakan peranan semua pihak serta merupakan tanggungjawab sosial. Pembudayaan infaq ini boleh di anggap *positive vibes* atau suatu aura positif yang sihat. Membudaya infaq secara konsisten dapat menghidupkan hati manusia serta membentuk jiwa yang kuat. Galakan yang dinyatakan dalam kebanyakan ayat ialah memperbanyakkan infaq dan tidak menghadkan kepada apa dan berapa yang hendak diinfaqkan. Keutamaan infaq ini lebih tertumpu kepada kebajikan sosial serta membentuk jiwa yang ikhlas dan dermawan.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan jutaan terima kasih atas sokongan penuh dan dorongan dari Akademi Kontemporari Pengajian Islam, Universiti Teknologi MARA dan ahli keluarga dalam menerbitkan makalah ini

RUJUKAN

- Ab Aziz, Y & Mutiara Dwi, S. 2017. *Pembangunan Modal Insan Daripada Perspektif Islam: Impak Kepada Pengurusan*. Journal of Social Sciences and Humanities (MJ - SSH), Vol. 2, Issue 1, e-ISSN: 2504-8562.
- FMT reporters. 2021. *Makin Ramai Berdepan Kemiskinan, Pengangguran Meningkat 2 Kali Ganda, Kata UNICEF*. Free Malaysia Today (FMT).
- Fuad, Mohd M. Berawi B. & Noor Amalina, Ismail. 2019. *Gelandangan di Kuala Lumpur: Tinjauan Awal*. Sintok, Kedah.
- Mazlan, Che C. Soh S. & Makmor, Tumin. 2017. *Sejarah dan Perkembangan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Kesihatan Di Malaysia Sehingga Tahun 2015*. Sejarah, No. 26, Bil. 2, Disember 2017, Hlm. 49-70.
- Putri Apria, Ningsih. 2018. *Studi Deskriptif Tentang Abdul Rahman bin 'Auf Prototype Entrepreneur Muslim Sukses*. Jurnal Riset Ekonomi Islam, DOI:10.31958/imara.v1i1.990
- Rosalwani, C. 2020. <https://www.sinarharian.com.my/article/108354/LAPORAN-KHAS/Ramai-orang-jatuh-miskin-angkar-Covid-19-> (diakses pada 18 April 2021).

- Razali, O. 2015. *Institusi Wakaf Sejarah dan Amalan Masa Kini*. Kual Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shuhairimi, A. 2013. *Memperkasa Pembangunan Insan Melalui Amalan Infaq. Sosiohumanika*. Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan , 6 (2) November 2013.
- Suwandi, Muhammad Hakimi, M.S., Wan Nasyrudin, W. A. 2017. *Perniagaan Muhammad SAW Era Setelah Kenabian: Sebuah Tamadun Baharu*. Jurnal Hadhari, 9 (2).
- Wan Nor Zuriatina, W. I. 2015. *Non Profit Oriented Entrepreneurs: Case Study Of Non Governmental Organisation And Social Entrepreneurship In Johor Bahru*. University Teknologi Malaysia
- Yusuf, Al-Qaradawiyy (Terjemahan: Salman,H.,, Didin, H., & Hasanuddin). 2007. *Hukum Zakat: Studi Komparatif Mengenai Status dan Filsafat zakat Berdasarkan Quran dan Hadis*. PT: Mitra Kerjaya Indonesia, Cetakan ke-10.

Internet

- Hazwan Faisal Mohamad, M. 2020. Had Pendapatan Kemiskinan Dinaikkan Dari RM980 Kepada RM2,208. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/07/709264/had-pendapatan-kemiskinan-dinaikkan-dari-rm980-kepada-rm2208> (diakses pada 20 Julai 2021).
- Mohammad Khairil Ashraf, M.K. Mohd Khalid, Rosmiza, K. Asim, Hazelen Liana, Kamarudin K. Dan & Wan Mohd Noor Hafiz, Wan W. Mansor M. . 2020. Rakyat Malaysia 'Kaya' Dermawan. <https://Www.Sinarharian.Com.My/Article/116215/Berita/Nasional/Rakyat-Malaysia-Kaya-Dermawan> (diakses pada 20 Julai 2020)
- Pengurusan dan Prospek Ekonomi. <https://belanjawan2021.treasury.gov.my/pdf/ekonomi/2021/Bab-1.pdf> (diakses pada 20 Julai 2020).

Temubual

- Puan Wan Nur Hidayah Wan Pauzi. Pengasas Butik Infaq Wangi, Puan Wan Nur Hidayah Wan Pauzi. 16 April 2021.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.